

Artikel

**Adaptasi Doktrin Ketenteraan Amerika Syarikat: Pengaruh Evolusi Strategi Pemangkalan
Ketenteraan Asing di Asia Tenggara**

*(Adaptation of United States Military Doctrine: The Influence of the Evolution of Foreign
Military Basing Strategy in Southeast Asia)*

Muhammad Luqman Rosli, Zarina Othman*, Abdul Muein Abadi & Nurhidayu Rosli

Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: zo@ukm.edu.my

Diserah: 30 November 2025 / Diterima: 30 Januari 2026

Abstrak: Kajian ini membincangkan tentang bagaimana strategi pemangkalan Amerika Syarikat di Asia Tenggara mempengaruhi pembaharuan doktrin ketenteraannya di Asia Tenggara, yang merangkumi cabang Tentera Darat (*U.S. Army*), Tentera Laut (*U.S. Navy*), Tentera Udara (*U.S. Airforce*) dan juga Tentera Marin (*U.S. Marines Corps*). Sebagai negara pemangkal, Amerika Syarikat menggunakan kaedah pemangkalan tradisional dan juga secara tetap melalui perjanjian dan pewarisan kolonial, dalam mewujudkan kelebihan kepada operasi dan mobilisasi ketenteraannya. Bagaimanapun, model ini berhadapan dengan penentangan politik domestik, halangan undang-undang dan keterdedahan keselamatan daripada negara hos. Dengan menggunakan kaedah kajian kes dan pengesanan ke atas doktrin-doktrin ketenteraan seperti *Multi-Domain Operations* (MDO) oleh Tentera Darat, *Distributed Maritime Operations* (DMO) oleh Tentera Laut, *Agile Combat Employment* (ACE) oleh Tentera Udara, *Expeditionary Advanced Base Operations* (EABO) oleh Tentera Marin, pembaharuan doktrin ini dilihat berpunca daripada perubahan strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat secara dalaman, serantau dan global. Begitupun, menerusi kajian ini, ianya menunjukkan bahawa pembaharuan doktrin dan perubahan strategi pemangkalan ketenteraan adalah saling bersangkutan dan mempengaruhi satu sama lain, secara bergelung (*looping*). Adaptasi doktrin ketenteraan ini juga menunjukkan bahawa faktor dalaman dan elemen domestik Amerika Syarikat turut memainkan peranan penting dalam pembentukan dasar keselamatan dan pertahanannya. Sehubungan dengan itu, kajian ini penting dalam menyingkap lebih lanjut tentang bagaimana perkembangan politik diantara negara hos-pemangkal menatijahkan kerangka keselamatan masing-masing.

Kata kunci: Adaptasi ketenteraan; Amerika Syarikat; Asia Tenggara; doktrin ketenteraan; pemangkalan ketenteraan

Abstract: This study discusses how the United States' military basing strategy in Southeast Asia influences the renewal of its military doctrines in the region, encompassing the U.S. Army, U.S. Navy, U.S. Air Force, and U.S. Marine Corps. As a basing power, the United States employs both traditional and permanent basing methods through agreements and colonial inheritances to create advantages for its military operations and mobilization. However, this model faces domestic political resistance, legal constraints, and security vulnerabilities from host states. Using case studies and tracing the development of military doctrines such as the Army's Multi-Domain Operations (MDO), the Navy's Distributed Maritime Operations (DMO), the Air Force's Agile Combat Employment (ACE), and the Marine Corps' Expeditionary Advanced Base Operations (EABO), the study finds that these doctrinal reforms stem from shifts in the United States' military basing strategies at the internal, regional, and global levels. Nonetheless, this study shows that doctrinal reforms and

changes in basing strategy are mutually linked and influence each other in a looping manner. The adaptation of these military doctrines also reflects the significant role of U.S. domestic factors and internal elements in shaping its security and defence policies. In this regard, the study is important for further uncovering how evolving political dynamics between host and basing states shape their respective security frameworks.

Keywords: Military adaptation; United States; Southeast Asia; military doctrine; military basing

Pengenalan

Perlawanan peperangan (*warfighting*) dan persediaannya bukanlah sesuatu yang bersifat statik, begitu juga dengan doktrin-doktrin yang mendasarinya. Berdasarkan kepada pensejarahan ketenteraan, Michael Howard (1983) menyebut tentang bagaimana organisasi ketenteraan sukar untuk memenangi peperangan seterusnya kerana berhadapan dengan faktor-faktor perubahan peperangan diluar kawalan mereka, atau sepertimana konsep geseran peperangan (*friction of war*) oleh Clausewitz (1989) tentang kecamukan elemen-elemen sampingan dalam peperangan sebenar yang mampu menatijahkan pengakhirannya, menunjukkan tentang betapa pentingnya kebolehadaptasian sesebuah organisasi ketenteraan. Dalam konteks kajian ini, adalah penting untuk membezakan secara ringkas terhadap konsep adaptasi ketenteraan dan inovasi ketenteraan. Adaptasi dalam kajian ini merujuk kepada penyesuaian doktrin, struktur atau strategi sedia ada sebagai tindak balas terhadap perubahan persekitaran strategik, manakala inovasi pula melibatkan penghasilan pendekatan baharu yang lebih radikal dan transformasi mendalam terhadap cara peperangan dilaksanakan. Memahami pembezaan asas ini adalah penting dalam memahami proses pembaharuan doktrin Amerika Syarikat di Asia Tenggara, samada lebih bersifat adaptif atau benar-benar inovatif sebelum memasuki perbandingan secara sistematik.

Apabila Amerika Syarikat mengorientasikan semula aspek ketenteraannya terutama strategi pemangkalan ketenteraannya dalam dinamika keselamatan Asia-Pasifik atau Indo-Pasifik yang baharu, negara tersebut terpaksa untuk beradaptasi dengan bentuk dan cabaran keselamatan baharu yang tidak hanya datang daripada kuasa besar lain seperti China atau ketidakstabilan rantau, sebaliknya muncul dalam bentuk peranjakan geografi dan politik bagi akses pengoperasian peperangan. Adaptasi ini merangkumi pembaharuan doktrin ketenteraan Amerika Syarikat, daripada cabang Tentera Darat (*U.S. Army*), Tentera Laut (*U.S. Navy*), Tentera Udara (*U.S. Airforce*) dan Tentera Marin (*U.S. Marines Corps*), memandangkan strategi pemangkalan ketenteraan negara tersebut berevolusi daripada pemangkalan secara tradisional, yakni secara tetap, pemilikan penuh dan akses pengoperasian yang lebih meluas kepada strategi yang lebih minima, dengan keberadaan ketenteraan secara bergilir dan akses yang lebih terhad. Dengan itu, kajian ini menilai takat kepengaruhannya evolusi strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat ini terhadap doktrin ketenteraannya di Asia Tenggara melalui konsep adaptasi ketenteraan. Berdasarkan kepada permasalahan yang dibangkitkan diatas, kajian ini memfokuskan kepada dua persoalan utama, yakni, apakah klasifikasi pembaharuan doktrin ketenteraan Amerika Syarikat dan bagaimanakah ianya mempengaruhi atau dipengaruhi oleh strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara.

Konsep adaptasi ketenteraan

Brown (2020) dalam tesisnya menetapkan rangkaian pemangkalan ketenteraan global sebagai pensyaratan sejagat bagi suatu negara adikuasa, berdasarkan kepada pengamalan yang dilakukan oleh British, Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat pada masa kemuncakan pengaruh dan kekuasaan mereka, bagi melindungi kepentingan-kepentingan nasional masing-masing. Ianya dicapai melalui pelaksanaan strategi besar (*grand strategy*) yang berkesan, yang disebut oleh Brands (2014) sebagai bentuk tataurus negara (*statecraft*) tertinggi. Pemangkalan ketenteraan muncul sebagai antara mekanisme pemanifestasian cita-cita yang digarap dalam strategi besar ini, dan secara rasionalnya, suatu adikuasa seharusnya mampu untuk beradaptasi dengan segala perubahan dan cabaran yang ditentanginya, khususnya dalam aspek ketenteraan. Barno dan Bensahel (2020) menafsirkan adaptasi sebagai keupayaan untuk mengikut rentak perubahan, memandangkan ruang persekitaran, terutamanya dalam konteks peperangan, senantiasa berubah daripada semasa ke semasa.

Disebabkan badan ketenteraan diterhadkan dengan ketidakbolehamalan situasi peperangan pada masa akan datang, sekiranya ianya tidak mampu untuk beradaptasi dengan elemen-elemen baharu, ianya akan meningkatkan risiko kekalahan atau kemenangan dengan kos yang memusnahkan. Keupayaan untuk beradaptasi ini, samada daripada segi doktrinal, taktikal, operasi, strategi bahkan politikal akan menatijahkan keberkesanan badan ketenteraan tersebut (Murray, 2011).

Posen (1984) memberikan contoh daripada kelambatan tentera Perancis untuk beradaptasi dengan eksploitasi pengangkutan kereta api bagi kegunaan logistik ketenteraan dalam Perang Perancis-Russia (1870-1871) sebagaimana Prussia, yang kemudiaannya menjadi antara sebab kekalahannya. Kushananto dan Sity Daud (2018) pula menyebut tentang bagaimana doktrin ketenteraan Indonesia mengalami perubahan bersesuaian dengan transformasi kedudukan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dalam struktur pentadbiran nasional, pada masa pra dan pasca-reformasi, termasuk dengan kemunculan ancaman daripada kuasa-kuasa besar. Hal yang sama turut berlaku dalam kebangkitan China sebagai kuasa besar baharu apabila negara tersebut, melalui pelan Strategi Perdana membangunkan profesionalisme ketenteraannya, yang sekaligus memunculkan elemen kekuatan ketenteraannya dalam bersaing dengan kuasa besar lain seperti Amerika Syarikat (Hisham Kamal Othman Kamal et al., 2016).

Jadual 1. Perbezaan adaptasi dan inovasi ketenteraan

Kategori	Adaptasi Ketenteraan	Inovasi Ketenteraan
Definisi	Penyelarasan doktrin, struktur dan taktik sedia ada oleh organisasi ketenteraan sebagai tindakbalas terhadap tekanan tertentu, misalnya semasa konflik atau ketika dalam ancaman.	Penciptaan dan integrasi konsep, kemampuan atau teknologi baharu.
Pengaturan masa	Kebiasaannya berlaku pada masa perang (<i>wartime</i>), krisis dan kehendak semasa operasi serta bersifat reaktif atau terjangka (<i>anticipatory</i>)	Kebiasaannya pada masa aman (<i>peacetime</i>) atau perancangan strategik jangka panjang.
Pemacu	Kegagalan pengoperasian, pengajaran daripada medan perang, halangan strategik/geografi seperti penidakan pemangkalan.	Perubahan teknologi, pengawasan doktrin, persaingan jangka panjang, perhitungan strategik.
Fitrah perubahan	Berulang dan pragmatik, secara taktikal dan doktrinal.	Transformatif dan struktural dari segi teknologi dan strategik.
Toleransi risiko	Rendah kepada sederhana: perubahan mesti berlaku secara cepat dan berkesan.	Tinggi: inovasi memerlukan tempoh percubaan panjang dan risiko yang tinggi sebelum dapat diserap.
Kebolehgagalan	Dicetuskan oleh kehilangan atau krisis yang mendadak dan mengejut.	Perubahan strategik secara besar-besaran.
Contoh	<i>Expeditionary Advanced Base Operations</i> (EABO) dihasilkan oleh Tentera Marin AS bagi beradaptasi dengan keterhadan akses pangkalan tentera di Indo-Pasifik dan sebagai strategi balas terhadap kemampuan mengejut amfibia China.	Pembangunan doktrin <i>AirLand Battle</i> (ALB) setelah kegagalan di Vietnam.

Sumber: Dirujuk daripada Rosen (1991), Barno & Bensahel (2020), Murray (2011) Goldman (1997) dan Barno (2009).

Berdasarkan kepada Jadual 1, adaptasi ketenteraan adalah berbeza dengan inovasi ketenteraan, terutamanya dalam aspek pemasaan dan kesan keseluruhannya. Walaupun terdapat perdebatan tentang samada penurunan perang berskala besar pasca-Perang Dunia Kedua menidakkan kewujudan masa perang dan memanjangkan masa aman dalam keadaan semasa (Fazal, 2025, 62-69; Spagat & van Weezel, 2020), bagaimanapun, perang dan konflik juga mulai muncul dalam keadaan tidak diisytiharkan (*undeclared wars*) bagi mengelakkan penetapan dan tekanan daripada norma undang-undang antarabangsa serta menghindari tanggungjawab moral dan perundangan yang bersangkutan dengan peperangan yang berlaku (Fazal, 2012; Fazendeiro, 2021). Dalam kes Amerika Syarikat misalnya, kesemua konflik yang disertainya selepas daripada

Perang Dunia Kedua adalah tidak diisytiharkan dan terhad (*limited war*) dengan Perang Kuasi (1798-1800) diantara Amerika Syarikat-Perancis sebagai yang terawal dan Perang Korea (1950-1953) sebagai perang terhad pertama pasca-Perang Dunia Kedua (Fehlings, 2000).

Situasi yang dilihat hampir sama turut berlaku di Asia Tenggara. Walaupun secara formal atau harfiahnya tidak menyertai sebarang konflik atau peperangan di rantau tersebut, Amerika Syarikat senantiasa beroperasi dalam persekitaran dengan 'geseran' strategik dan persaingan yang berterusan, terutamanya dengan China. Secara tidak langsung, ianya menciptakan tekanan operasi seakan-akan masa perang, yang menyerupai dinamika adaptasi masa perang. Maka walaupun tempoh awal perancangan ketenteraan kebanyakannya didorong oleh inovasi ketenteraan, bagaimanapun, perubahan ketara doktrin ketenteraan yang akan dibincangkan adalah didorong oleh realiti pemangkalan ketenteraan, yang lebih dekat dengan adaptasi ketenteraan yang bersifat berteraskan masalah (*problem-driven*), peka konteks (*context-sensitive*) dan terhalang secara geografikal. Ketersediaan pengoperasian ketenteraan Amerika Syarikat secara kekal dan keterhadapan di Asia Tenggara telah mencipta tekanan aras rendah secara berterusan untuk beradaptasi, berakibat daripada perubahan geopolitik, evolusi geostrategik dan kemunculan teknologi baharu.

Pemangkalan ketenteraan global

Harkavy (1982) muncul sebagai antara sarjana terawal yang membahaskan berkenaan dengan definisi yang bersesuaian dalam menggambarkan tindakan negara kuasa besar berpangkalan di negara asing, yakni dengan menimbulkan isu kekeliruan semantik diantara terma-terma pangkalan (*bases*), kemudahan (*facilities*), akses (*access*) dan juga pemasangan, pemasangan dan pembinaan (*installations*). Menurut beliau, terma akses atau lebih khususnya pengaksesan ketenteraan telah mencakupi segala bentuk penggunaan pangkalan dan kemudahan, seperti hak pelintasan udara (*overflight rights*) dan pembenaran untuk berlabuh yang tidak memerlukan keberadaan ketenteraan secara kekal. Dalam pendefinisian yang lebih rigid, terma pangkalan dirujuk kepada kewujudan kawalan dan hak wilayah asing (*extraterritorial*) secara eksklusif yang diperoleh samada melalui paksaan atau perjanjian. Berbeza dengan pangkalan, terma kemudahan pula pada kebiasaannya disinonimkan kepada hak atau kuasa penggunaan kemudahan ketenteraan secara terkawal atau bersama, yang mana boleh ditingkatkan, dilonggarkan dan dihalang oleh negara hos. Bagaimanapun tambah beliau, kedua-dua terma ini kadangkala digunakan secara saling tukaran, khususnya apabila terdapat perbezaan jenis pangkalan dan kemudahan ketenteraan yang terlalu rencam dari segi saiz, keterjelmaan dan fungsi khas atau tujuan.

Melalui penulisannya yang lain, khususnya dalam buku *Bases Abroad: The Global Military Foreign Presence*, Harkavy (1989) mencadangkan penggunaan terma yang lebih meluas, iaitu keberadaan ketenteraan asing (*foreign military presence*) yang mana tidak hanya merangkumi terma pangkalan dan kemudahan, sebaliknya turut meletakkan kumpulan penasihat ketenteraan (*military advisory groups*), operasi keibupejabat (*headquarters operations*) dan unit-unit kecil ketenteraan lain dibawah 'payungan' definisinya, yang mana subjek-subjek ini tidak semestinya berada atau bekerja di pangkalan ketenteraan semata-mata. Alternatif lain menurut beliau adalah penggunaan terma pengaksesan strategik (*strategic access*) yang lebih meluas, merangkumi segala terma diatas, termasuk aktiviti-aktiviti ketenteraan yang disifatkan sebagai samar-samar atau kabur (*grey area activities*) selain ianya tidak memerlukan penggolongan berdasarkan kepada kelas kepanjangan atau kekekalan keberadaan ketenteraannya.

Brown (2020) pula berpandangan bahawa dalam membahaskan subjek dan isu pemangkalan ketenteraan asing, penggunaan terma atau konsep pengaksesan ketenteraan asing dilihat terlalu meluas kerana, pemberian akses yang bersifat sementara dilihat tidak dapat 'menanggung' kesesuaian untuk disebutkan sebagai suatu pemangkalan atau pendirian pangkalan. Selain itu juga menurut beliau, terma pemangkalan ketenteraan asing adalah lebih spesifik dan mempunyai asas pengkonsepkan yang lebih kukuh dalam menggambarkan status pengoperasian keselamatan yang spesifik berbanding penggunaan terma pengerahan atau pengaturan ketenteraan (*foreign troops deployment*). Brown kemudiannya mendefinisikan pangkalan ketenteraan asing sebagai lokasi asing dimana pasukan tentera menjalankan operasi ketenteraannya berdasarkan kepada kepentingan negara pengirim (*sending-state interest*). Beliau kemudiannya menjelaskan bahawa kata 'asing' (*foreign*) adalah berbeza berbanding dengan kata 'luar negara' (*overseas*),

memandangkan, sebahagian kuasa besar mempunyai pangkalan tentera di luar negara, tetapi masih dalam pemilikan wilayahnya, sepertimana pangkalan tentera Amerika Syarikat di Guam atau pangkalan tentera Perancis di Guiana Perancis yang dilihat tidak sesuai untuk ditermakan sebagai pangkalan asing.

Evolusi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara

Amerika Syarikat mula bertapak di Asia Tenggara dengan paradoks 'berdiri sama tinggi' bersama imperialisme dan 'duduk sama rendah' bersama ideologi anti-kolonial. Amerika Syarikat membawakan contoh semangat revolusi dan anti-penjajahan dalam melawan kuasa imperial British yang sekaligus menimbulkan idea penentuan nasib sendiri (*self-determination*) kepada negara-negara terjajah yang lain. Namun dalam pada masa yang sama, Amerika turut menerima manfaat politik dan ekonomi melalui penaklukan dan pemilikan wilayah ala imperialisme, misalnya dengan mengilhakkan negeri Louisiana, Texas, Florida dan California termasuk mentadbiri secara kolonial wilayah luar negara seperti Filipina (Brands, 1992). Perolehan Filipina dan juga wilayah Pasifik yang lain oleh Amerika Syarikat dalam tempoh ini melambangkan titik penting perubahan dalam evolusi pemangkalan ketenteraannya, dengan bertransisi daripada penempatan skuadron kepada mewujudkan keberadaan rentas lautan (*transoceanic presence*) (Pettyjohn, 2012).


Perang Dunia Pertama memberikan impak yang mendalam terhadap perancangan ketenteraan dan dasar luar Amerika Syarikat. Ianya menyaksikan kebangkitan seruan untuk menghubungkan dan mensejajarkan dasar kelautan dan juga dasar luar, mengurangkan campur tangan birokrasi dalam perancangan ketenteraan, dan mempertingkatkan serta memperbaharui teknologi dan doktrin ketenteraan (Sprout & Sprout, 1946). Sebahagian perjanjian yang ditandatangani dalam *Washington Naval Conference* (1921-1922) pasca-Perang Dunia Pertama seperti *Five Power Treaty* dan *Four Power Treaty* sebagai strategi untuk melemahkan pakatan British-Jepun bagaimanapun, secara ironinya, melemahkan pembangunan ketenteraan Amerika Syarikat apabila ianya menjurus kepada program penyahsenjataan kelautan secara besar-besaran, menghentikan pembangunan kapal induk dan mengurangkan saiz angkatan laut (Schratz, 1980). Dalam pada yang sama, secara paradoks, membenarkan hegemoni Jepun untuk meluas di kawasan Asia-Pasifik apabila negara tersebut mengeksploitasi kelompongan daripada perjanjian tersebut untuk membangunkan sistem ketenteraan yang tidak disebut secara literal dalam perjanjian-perjanjian tersebut, misalnya dalam pembangunan penerbangan tentera laut, kapal penjajap, kapal pemusnah dan kapal selam, malah mengubahsuaikan dua kapal penjajap tempur Akagi dan Nagi kepada kapal induk pesawat udara (Kaufman, 1990). Apabila Perang Dunia Kedua berlaku, Amerika Syarikat menumpukan usaha ketenteraannya di Eropah, secara tidak langsung membenarkan Jepun untuk menjarah hampir keseluruhan Asia Tenggara (Cristobal & Gregor, 1987). Bagaimanapun, serangan dahsyat terhadap pangkalan Amerika Syarikat di Pearl Harbor memaksakan kepada penyertaan peperangan secara sepenuhnya (Schneider, 1994). Menurut Weeks dan Meconis (1999), serangan tersebut sekurang-kurangnya memangkin Amerika Syarikat untuk membentuk rangkaian pangkalan ketenteraan global, yang kemudiannya membawa kepada pembentukan kedudukan hegemoninya.

Amerika Syarikat mengakses sebanyak 434 pangkalan laut dan pesawat laut, serta 1,922 pangkalan udara di seluruh dunia, merangkumi kegunaan domestik dan luar negara pada kemuncak Perang Dunia Kedua (Harkavy, 1982), dan meneruskan penggunaan hampir 1,600 pangkalan sepanjang Perang Dingin (Stevenson, 2022). Khusus dalam kes Asia Tenggara, Amerika Syarikat mengekalkan hak milik dan akses kepada pangkalan ketenteraannya di Filipina selepas daripada kemerdekaannya pada tahun 1946, termasuk jaringan infrastruktur dan ratusan ribu kilometer persegi tanah di negara tersebut (Cristobal & Gregor, 1987). Dalam kemuncakan Perang Dingin dan persaingan dengan Kesatuan Soviet, Amerika Syarikat dengan secara aktif menyertai konflik-konflik di Indochina, terutamanya dalam krisis Laos dan Perang Vietnam, sekaligus meningkatkan akses dan keberadaan ketenterannya di negara-negara ini, misalnya melalui penggunaan pangkalan udara Don Muang dan U-Tapao di Bangkok serta pangkalan udara Tan Son Nhut, Bien Hoa, Da Nang dan Pleiku di Vietnam sebagai suatu bentuk pembendungan pengaruh Kesatuan Soviet di Asia Tenggara (Harkavy, 1982; Schlight, 1996). Dalam tempoh Perang Dingin ini bagaimanapun, Amerika Syarikat terpaksa berhadapan dengan kehilangan akses pangkalan penting di Filipina, yakni Subic Bay dan pangkalan udara

Clark apabila berlakunya peralihan politik melalui kejatuhan Marcos dan kenaikan Aquino, ditambah dengan tekanan daripada golongan nasionalis yang menuntut kepada penghapusan campur tangan kuasa asing dengan menamatkan *Military Bases Agreement* 1947 (MBA) yang merupakan tunjang penting kepada strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat (Armitage, 2019).

Kehilangan akses kepada Filipina membawa Amerika Syarikat kepada strategi pemangkalan ketenteraan yang lebih fleksibel, yang dapat dilihat melalui penandatanganan memorandum diantara Amerika Syarikat dan Singapura pada November 1990 yang memberikan akses kepada kemudahan ketenteraan di Sembawang, sebelum pembinaan pangkalan laut baharu di Changi (Long, 2018), yang kemudiannya diperkembangkan melalui penandatanganan *Framework Agreement for the Promotion of a Strategic Cooperation Partnership in Defence and Security* pada tahun 2003 sebagai respon kepada peristiwa 9/11 dan kenaikan jenayah keganasan (Acharya, 2005). Dalam pada masa yang sama, Amerika Syarikat kembali hadir ke Filipina dengan penapakan yang lebih minima dan kurang terjelma, apabila *Visiting Forces Agreement* (VFA) dipersetujui diantara kedua negara tersebut pada tahun 1998, yang membolehkan kepada latihan ketenteraan bersama dan pembekalan senjata (Brown, 2020).

Pada era Obama-Trump-Biden yang dinamai sebagai tahun-tahun persaingan dengan China, penumpuan strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat berpusar kepada membanteras keasertifan China, terutamanya di Laut China Selatan, termasuk pengenalan konsep geopolitik Indo-Pasifik bagi menggantikan Asia-Pasifik. Peristiwa signifikan dalam kes ini antaranya adalah penandatanganan *Strategic Framework Agreement* 2005 diantara Amerika Syarikat dan Singapura yang membenarkan akses aset-aset sensitif seperti kapal selam USS North Carolina dan pesawat anti-kapal selam Poseiden P-8 (Long, 2018). Selain itu, *Enhanced Defense Cooperation Agreement* (EDCA) diantara Amerika Syarikat dan Filipina membenarkan semula akses ketenteraan di lima pangkalan tentera milik Filipina, dan diperluaskan kepada sembilan pangkalan pada tahun 2023 oleh Marcos Jr. (Brown, 2020; De Castro, 2024). Pentadbiran Trump juga memperbaharui memorandum 1990 bersama Singapura yang memanjangkan akses sehingga 2035, termasuk membenaran penjual pesawat pejuang F-35 (Pant & Parpiani, 2022).



Rajah 1. Evolusi strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara

Berdasarkan kepada Rajah 1, evolusi strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat merasionalkan kepada keperluan adaptasi dan perubahan doktrin ketenteraan baharu. Setiap fasa evolusi ini membawakan realiti pengoperasian ketenteraan yang berbeza, misalnya fasa Perang Dingin memerlukan pendekatan pencegahan keterhadapan atau situasi keselamatan semasa dengan China yang mewajibkan kedudukan kekuatan ketenteraan yang lebih terpecar, tangkas dan kebolehtahanan.

Walaupun terdapat himpunan kajian yang meluas tentang pemangkalan ketenteraan asing dan adaptasi doktrin ketenteraan Amerika Syarikat, kedua-dua bidang ini lazimnya dibahaskan secara terpisah dan terasing tanpa jambatan analitik yang menghubungkan evolusi pemangkalan dengan pembentukan atau pelarasan doktrin. Kajian pemangkalan menekankan isu akses, perjanjian, politik domestik negara hos, atau strategi kuasa besar, manakala kajian adaptasi ketenteraan pula lebih cenderung meneliti faktor dalaman, misalnya kegagalan operasi, tekanan teknologi, atau persaingan antara cabang ketenteraan sebagai pemacu perubahan doktrin. Akibatnya, terdapat kelompongan ketara dalam memahami bagaimana perubahan geografi, struktur dan bentuk keberadaan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara secara langsung membentuk proses adaptasi doktrin seperti MDO, DMO, ACE dan EABO atau secara sebaliknya.

Dengan kata lain, walaupun kedua-dua himpunan kajian ini mengakui bahawa dasar luar serta status dan keadaan operasi mempengaruhi reka bentuk doktrin, adalah terlalu minima kewujudan kajian yang menelusuri hubungan disebabkan diantara evolusi pemangkalan Amerika Syarikat, daripada kolonialisme kepada semasa dengan keperluan operasi baharu yang akhirnya menuntut kepada pembaharu doktrin. Jurang kelompongan ini menjadi lebih ketara dalam konteks Asia Tenggara yang secara zahirnya tidak berhadapan dengan peperangan secara literal dan fizikal, akan tetapi sarat dengan 'geseran strategik' yang menyerupai tekanan masa perang. Maka, kajian ini mengisi kelompongan tersebut dengan menegaskan bahawa transformasi pemangkalan bukan sekadar latar geopolitik dan medan perubahan sistem antarabangsa semata-mata, tetapi merupakan pemacu terstruktur kepada adaptasi doktrin ketenteraan Amerika Syarikat di rantau ini.


Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, dengan menggabungkan pendekatan kajian kes dan juga pengesanan proses bagi menganalisis tentang bagaimana perubahan strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara mempengaruhi pembaharuan doktrin ketenteraan oleh negara tersebut. Reka bentuk kajian kes ini membolehkan analisis yang mendalam terhadap bagaimana akses dan perjanjian pemangkalan, serta politik domestik negara hos 'memaksa' kepada adaptasi strategik Amerika Syarikat, khususnya doktrin ketenteraannya. Kaedah pengesanan proses pual digunakan bagi mengenal pasti mekanisme sebab-akibat yang menghubungkan perubahan strategi pemangkalan dengan pembaharuan doktrin dalam Tentera Darat dan *Multi-Domain Operations* (MDO), Tentera Laut dan *Distributed Maritime Operations* (DMO), Tentera Udara dan *Agile Combat Employment* (ACE), serta Tentera Marin dan *Expeditionary Advanced Base Operations* (EABO). Data analisis yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada dokumen rasmi ketenteraan, kenyataan dasar, serta sumber penulisan akademik bagi memastikan kesahihan melalui triangulasi sumber. Gabungan metodologi ini membolehkan penelusuran kritis tentang bagaimana perubahan dalam strategi besar Amerika Syarikat bukan sahaja mencerminkan tetapi juga memacu perubahan doktrin ketenteraannya.

Tentera darat dan konsep pelbagai domain

Multi-Domain Operations (MDO) secara asasnya dibentuk oleh Tentera Darat Amerika Syarikat sebagai asas penghalangan dan penanganan Rusia dan China, tetapi turut terpakai terhadap bentuk-bentuk ancaman lain (U.S. Army, 2018). Ianya terhasil daripada konsep-konsep awalan dan pelopor seperti *Multi-Domain Battle* dan *AirLand Battle* yang diperkenalkan sebagai strategi balas kepada keupayaan operasi anti-access/anti-denial (A2/AD) China, sebelum ianya dijenamakan semula kepada *Joint Concept for Access and Maneuver in the Global Commons* (JAM-GC), dimana ianya dilihat dapat meningkatkan keunggulan ketenteraan (*military superiority*) Amerika Syarikat dalam menghadapi kerancakan pembangunan teknologi ketenteraan China (Jackson, 2023). Konsep-konsep ini bagaimanapun dicabar oleh peningkatan perolehan wilayah oleh China, terutamanya gugusan pertama kepulauan yang merangkumi hampir keseluruhan kawasan Laut China Selatan, yang secara tidak langsung meningkatkan zon A2/AD negara tersebut. Hal ini ditambah dengan keterhadan akses pangkalan tentera di Asia Tenggara, dengan fasiliti sedia ada diakses Singapura dan Filipina tidak dimiliki oleh *Department of Defense* (DOD), yang sekaligus mengurangkan kuasa pengoperasian Amerika Syarikat, terutamanya dalam aspek kuasa daratan (*land power*) (Nicastro, 2023).

Dalam simulasi senario penanggulangan tentang kebarangkalian kerjasama dalam masa aman, konflik dan krisis bersama negara sekutu oleh RAND, hanya Filipina dan Singapura sahaja daripada negara-negara Asia Tenggara yang dinilai akan memberikan kebolehan pengaksesan dan pengoperasian (Wong, et al., 2022). Maka, seperti yang digambarkan dalam Rajah 2, MDO, selain mempersatukan domain-domain lain, ianya turut menjadi jawapan kepada keperluan kuasa daratan dalam medan Indo-Pasifik terutamanya dalam aspek menembak jitu jarak jauh (*long-range precision fires*) yang melibatkan pemusnahan sasaran daratan dan lautan menggunakan artileri dan misil, dan ianya meletakkan kepentingan menjaga pertahanan pangkalan-pangkalan tentera berkaitan dibawah kendalian Tentera Darat (Feickert, 2022). Perubahan ini boleh disimpulkan sebagai suatu bentuk tindak balas adaptif terhadap halangan yang bermunculan daripada geopolitik, sepertimana dalam isu pemangkalan ketenteraan dan juga ancaman A2/AD.





Rajah 2. Adaptasi konsep Multi-Domain Operations (MDO) dalam konteks Asia Tenggara

Tentera laut dan keupayaan kelautan

Distributed Maritime Operations (DMO) dalam Navigation Plan 2022 dirujuk sebagai asas kepada konsep pengoperasian semasa Tentera Laut Amerika Syarikat. Antara matlamat pelaksanaannya adalah untuk meletakkan kekuatan Tentera Laut sebagai suatu kelebihan strategik dalam pemposisian keterhadapan dan mengurangkan kebergantungan kepada pangkalan tentera luar negara (Chief of Naval Operations, 2022). Sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 3 dan 4, DMO mengambil kesempatan daripada kelebihan terencam angkatan laut terutamanya dalam aspek mewujudkan daya tembak yang tinggi dengan gabungan bersama Tentera Marin dan cabang lain dalam *Joint Force*. Konsep keterpencaran dibawah DMO memamatkan kekuatan dan kemampuan berperang pada setiap kapal dalam sesebuah armada kelautan bagi menghasilkan kesan serangan yang lebih terhimpun, tetapi mengurangkan pemusatan dan kebergantungan kepada kapal induk (Chief of Naval Operations, 2024). P


emencaran kapal laut dengan lebih meluas dalam medan operasi akan menyukarkan pengancaman dan penyasaran oleh musuh tidak seperti taktik yang lebih menumpun, namun masih dapat membantu satu sama lain serta menumpukan kuasa serangan kepada musuh. Selain itu juga, ianya mampu meningkatkan kadar keluasan pengesanan radar dan senjata yang mana akan membolehkan penggunaan senjata jarak jauh, kapal laut dan kapal terbang tanpa warga (*unmanned vessels and aircraft*) dengan lebih berkesan (O'Rourke, 2025). Dengan itu, adaptasi DMO dilihat sebagai suatu tindak balas rasional daripada kekurangan akses pangkalan tentera sebagai pusat logistik tetap bagi menampung kelangsungan armada kelautan yang besar dan menumpu, disamping risiko serangan yang lebih tinggi terutamanya dalam kawasan yang tersengketakan seperti di Asia Tenggara. Sekaligus ianya akan melasakkan setiap kapal laut secara individu dan tidak terlalu bergantung kepada keperluan pengaksesan pangkalan dan kapal induk pesawat udara.

Rajah 3. Adaptasi konsep *Distributed Maritime Operations* (DMO) di Asia Tenggara


Rajah 4. Perbezaan konsep keterpencaran dalam DMO

Tentera udara dan dominasi keudaraan

Peningkatan kemajuan dan teknologi ketenteraan China dan Rusia utamanya, memberikan ancaman yang cukup besar terhadap Amerika Syarikat, khususnya bagi cabang Tentera Udara yang menggunakan dan bergantung kepada model pangkalan udara yang bersaiz besar yang mudah disasarkan. Sasaran-sasaran statik ini juga berada dalam jangkauan serangan persenjataan-persenjataan moden ini yang merisikokan sebarang bentuk operasi untuk dijalankan, maka, Tentera Udara Amerika Syarikat menghasilkan doktrin *Agile Combat Employment* (ACE) sebagai konsep asas, terutamanya tentang bagaimana ianya akan berperang dalam persekitaran moden dan tegang (Davis, 2021). Selain daripada itu, keterhadan fiskal dan juga halangan politik mengurangkan peluang pengaksesan kepada Tentera Udara serta menyukarkan pembinaan pangkalan udara baharu, maka ACE diserap sebagai suatu rancangan pengolahgerakan (*maneuvering*) pengendalian operasi yang lebih reaktif dan proaktif dalam garis masa ancaman bagi meningkatkan kebolehlaksanaan pesawat disamping menjana kuasa tempur yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5. Konsep ACE, sekiranya diaplikasikan dengan baik, mampu untuk menyukarkan proses penyasaran oleh musuh, membawa dilema politik dan operasi terhadap musuh serta memberikan fleksibiliti kepada tentera sekutu, selain ianya mudah untuk digabungkan dalam operasi bersama dengan cabang dan domain lain (U.S. Air Force, 2022).

Rajah 5. Adaptasi konsep *Agile Combat Employment* (ACE) di Asia Tenggara

Sekiranya DMO memfokuskan kepada keterpencaran kapal laut, ACE pula menitikberatkan tentang kebolehsediaan lokasi operasi, yakni dengan mewujudkan pilihan lokasi operasi yang lebih kecil dan lebih tersebar berbanding pusat operasi yang memusat. Rajah 6 menunjukkan bagaimana model '*hub and spoke*' dijalankan melalui penubuhan '*enduring location*' (EL) sebagai hab seperti pangkalan udara utama Amerika Syarikat atau negara sekutu dan '*contingency location*' (CL) seperti lapangan terbang awam atau lapangan terbang kecil. Elemen postur diletakkan sebagai antara elemen utama kepada ACE dan juga elemen pertama dalam pelaksanaan dan visualisasinya, dimana keperluan menyediakan akses kepada lokasi adalah antara faktor penting dalam pelaksanaan sesebuah operasi (Nicastro, 2024). Dengan itu, ACE adalah natijah logikal kepada peningkatan keterhadan akses pangkalan tentera, terutamanya dalam kes Asia Tenggara.


Rajah 6. Model '*hub and spoke*' dalam pelaksanaan ACE

Tentera marin dan kelebihan amfibia

Adaptasi konsep *Expeditionary Advanced Base Operations* (EABO) oleh Tentera Marin adalah antara contoh primer bagi aplikasi logik adaptasi masa perang dalam masa aman. Ianya boleh dikenalpasti melalui pemahaman tentang konteks strategik China di Asia-Pasifik, khususnya terhadap pengkonsepkan '*strategi gugusan kepulauan*' (*island chain strategy*) yang merangkumi proses pengunjuran kuasa pada sepanjang gugusan kepulauan pertama (Kepulauan Kuril sehingga Borneo) dan kedua (Kepulauan Bonin sehingga Papua New Guinea) di Laut China Selatan dan Laut China Timur bagi memperluaskan kawasan A2/AD (Marinus,

2022). EABO kemudiannya lahir sebagai idea dalam membalikkan kekuatan strategi China ini, iaitu dengan menjalankan doktrin yang lebih tangkas, terpecar serta bersifat kurang terjelma dan rendah kebolehsesanan bagi membolehkan ianya beroperasi dengan berkesan dalam ‘gelembung’ A2/AD China (Anon, 2020). Hal ini kerana EABO dihasilkan sebagai suatu bentuk peperangan ekspedisi yang beroperasi secara kecilan di kawasan maritim yang dipertikaikan seperti daratan kepulauan-kepulauan kecil atau pantai yang turut difungsikan sebagai pangkalan sementara, bagi mengawal atau menafikan akses kawasan kelautan atau juga membantu pengunjuran kuasa kelautan oleh Tentera Laut dengan integrasi bersama.

Saiz kekuatannya yang kecil, seperti yang dijelaskan dalam Rajah 7 tidak hanya menghasilkan kadar kebolehsesanan yang rendah, namun ianya juga adalah untuk memudahkan pengekaln, penyelenggaraan dan kemudahalihannya (U.S. Marine Corps, 2021). Integrasi rentas domain daripada EABO juga dikonsepskan melalui idea ‘Stand-in Forces’ (SIF), yang mencadangkan penggabungan bersama Tentera Laut dan Pengawal Pantai (U.S. Coast Guards) bagi membentuk kekuatan kelautan dan operasi yang lebih jitu, termasuk ‘memperlautkan’ fokus Tentera Darat dalam melakukan serangan amfibia (Feickert, 2022). Begitupun, sama halnya dengan cabang ketenteraan yang lain, pelaksanaan EABO bergantung kepada kebenaran negara hos bagi membenarkan penempatan dan peletakan tentera Amerika Syarikat di wilayah mereka, yang memerlukan pula kepada perjanjian atau persediaan pemangkalan pra-konflik dan perlu mengambil kira kebarangkalian tindak balas daripada China (Marinus, 2022).



Rajah 7. Adaptasi konsep *Expeditionary Advanced Base Operations* (EABO) di Asia Tenggara

Hasil Kajian dan Perbincangan

Apabila diteliti dengan lebih mendalam, adaptasi doktrin baharu keempat-empat cabang ketenteraan Amerika Syarikat masih meletakkan kebergantungan yang tinggi terhadap kebenaran akses daripada negara hos terutamanya dalam konteks Asia Tenggara, yang mana, ironinya, hal yang sama membawa kepada pembentukan doktrin-doktrin baharu ini juga. Walaupun Amerika Syarikat memperolehi akses pangkalan, wilayah dan juga ruang udara, ianya bagaimanapun tidak menjamin kebolehan atau membenaran bagi melakukan operasi ketenteraan. Begitupun, dalam pada masa yang sama, membenaran bagi penggunaan operasi juga boleh diperoleh tanpa memerlukan ekslusiviti akses atau persetujuan pemangkalan masa aman seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Rajah 8 (Pettyjohn & Kavanaugh, 2016).

Isu ini bertambah rumit jika dilihat daripada konteks Asia Tenggara atau secara spesifiknya organisasi serantaunya, *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) yang memperkenalkan deklarasi *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN) dalam menjadikan Asia Tenggara bebas daripada pengaruh kuasa luar dan meletakkan pendirian rantau tersebut sebagai berkecuali pada tahun 1971, yang mana secara tidak langsung menyukarkan pengaksesan ketenteraan bagi Amerika Syarikat secara keseluruhan. Hänggi (1991) bagaimanapun, membahaskan bahawa deklarasi ZOPFAN adalah semata-mata deklarasi pemaksudan (*declaration of intent*) dan tidak terikat secara undang-undang serta tidak menyebut kepada membenaran pemangkalan ketenteraan asing dan perikatan ketenteraan dengan kuasa luar. Ianya hanya merujuk kepada

frasa “.... *that all foreign bases are temporary*....” dalam deklarasi ASEAN 1967, dimana terma ‘*temporary*’ bebas untuk ditafsirkan secara persendirian oleh negara masing-masing dan tidak termaktub dalam rangka masa yang rigid, sepertimana yang dilakukan oleh Filipina.

Jadual 2. Jenis akses

Jenis Akses	Definisi	Contoh
Masa/Keadaan aman	Ketersediaan hak untuk menggunakan pangkalan di negara lain bagi menjalankan operasi rutin	Pangkalan Udara Ramstein (1952-2014) Pangkalan Laut Yokosuka (1945-2014) Pangkalan Udara Prince Sultan (1996-2003) Pangkalan Udara Thumrait Oman (1980-2014)
Masa/Keadaan luar jangka (<i>contingency</i>)	Keberanian untuk menggunakan wilayah atau ruang udara negara lain, atau penempatan tentera Amerika Syarikat bagi operasi bukan rutin	i. Penggunaan Pangkalan Udara Ramstein bagi menyokong Operasi <i>Enduring Freedom</i> (2001-2014) ii. Penggunaan terhadap Pangkalan Udara Prince Sultan bagi operasi tidak berbahaya pada masa pelaksanaan Operasi <i>Iraqi Freedom</i> (2003) iii. Penggunaan Pangkalan Udara Thumrait bagi Operasi <i>Desert Fox</i> (1998)

Akses masa/keadaan aman			
		Ya	Tidak
Akses masa/keadaan luar jangka	Ya	Jerman dan United Kingdom • Operasi <i>Desert Storm</i> dan <i>Iraqi Freedom</i>	Perancis dan Hungary • Operasi <i>Allied Force</i>
	Tidak	Turki • Operasi <i>Iraqi Freedom</i>	Austria dan Switzerland • Operasi <i>Blue Bat</i>

Rajah 8. Hubungan diantara akses masa aman dan luar jangka

Pendirian berkecuali ini juga dilihat tidak konsisten bahkan kepada negara petegar ASEAN seperti Malaysia yang mempelopori dasar tersebut dalam ASEAN, apabila Malaysia juga merupakan ahli kepada *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) bersama negara Australia, Singapura, United Kingdom dan New Zealand yang turut melihat kepada penempatan anggota tentera Australia di pangkalan udara Butterworth (Wong, et al., 2022). Sungguhpun begitu, Malaysia, selain Indonesia, Thailand dan Vietnam masih mempunyai kebarangkalian yang rendah dalam membenarkan akses pangkalan kepada Amerika Syarikat, sekalipun dalam senario masa perang (2022). Sedangkan, adaptasi doktrin-doktrin ketenteraan baharu ini hanya akan berjaya dijalankan, hanya sekiranya akses bagi pemangkalan dan membenaran operasi dibenarkan. Sebagai contoh, doktrin EABO Tentera Marin masih memerlukan sokongan pertahanan seperti artileri dan kereta kebal daripada negara sekutu bagi menjalankan operasi dalam kawasan negara tersebut (melalui kebenaran sah) kerana doktrinnya yang mengecilkan penjumlahan kekuatan anggota dan terpencil memustahilkan pelaksanaan doktrin ini dengan lebih berkesan (Feickert, 2022).

Begitu juga dalam strategi awal ACE dalam memencarkan kekuatannya, yakni pemposturan medan operasi keudaraan, turut sama memerlukan kebenaran daripada pangkalan utama negara sekutu (U.S. Air Force, 2022). Situasi ini memperlihatkan paradoks ketara dalam strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat. Perubahan dan evolusi strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara yang membawa kepada keterhadan akses dan kebenaran operasi sememangnya memberikan kesan dan memaksakan kepada adaptasi doktrin ketenteraan yang baharu, namun bagaimanapun, doktrin-doktrin baharu ini juga masih memerlukan suatu takat akses dan membenaran bagi ianya untuk berjalan dan berjaya. Ringkasnya, adaptasi bukanlah suatu bentuk penggantian yang berkesan kepada akses pemangkalan, tetapi hanyalah satu bentuk pelarasan terhadap kekangan sedia ada yang masih bergantung kepada dimensi

geopolitik semasa yang paling rasional dan berpadanan. Dengan itu, strategi pemangkalan tetap kekal sebagai paksi kepada operasi ketenteraan Amerika Syarikat, sekalipun dalam kerangka baharu seperti MDO, DMO, ACE dan EABO.

Bagi mengatasi keterikatan yang tidak terelakkan ini, Amerika Syarikat, tidak dapat tidak perlu merencamkan pendekatan pemangkalannya. Antaranya, Amerika Syarikat perlu meningkatkan bilangan hab pra-pemposisian peralatan dan logistik sepertimana yang dilakukan di Singapura, bagi meminimakan impak politik kepada negara hos kerana sifat ketenteraannya yang kurang terjelma berbanding dengan pangkalan ketenteraan penuh kerana tidak memerlukan penempatan dan keberadaan senantiasanya anggota tentera. Peningkatan hab ini akan mempercepatkan pengaturan kedudukan tentera dalam masa perang/luar jangka, tanpa memerlukan kebenaran operasi yang tinggi kerana hanya akan dianggap sebagai proses logistik. Proses ini kemudiannya boleh disinambungkan dengan model '*hub and spoke*' dalam doktrin ACE. Perlu diambil maklum bahawa penentangan politik terhadap pemangkalan ketenteraan asing adalah seringkali terlahir daripada takat keterjelmaan ketenteraan yang tinggi, seperti dalam kes Filipina, maka sekiranya ianya dapat dikurangkan, akses dengan tahapan yang lebih rendah mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk diberikan.

Kebanyakan kerajaan dan golongan elit sesebuah negara hos pada kebiasaannya akan menyokong kepada pemberian akses pangkalan kepada ketenteraan asing terutamanya kepada Amerika Syarikat sekiranya tidak menerima reaksi penentangan daripada rakyat massa, disebabkan oleh kelebihan-kelebihan tersurat yang dimiliki, iaitulah bantuan perbelanjaan pertahanan, penghibahan aset serta bayaran sewaan atau pajakan, dan kelebihan-kelebihan tersirat seperti sokongan pengekal kerajaan dan penyekatan pihak lawan atau pembangkang. Hubungan yang baik dengan elit negara hos memungkinkan kepada pemasukan klausa pengaksesan masa perang dalam perjanjian pemangkalan atau membenaran secara senyap dalam persefahaman tidak formal. Selain itu juga, Amerika Syarikat turut perlu mempertimbangkan semula penghidupan konsep '*mobile offshore base*' dan pemusatan semula kepada kumpulan serangan kapal induk pesawat bagi menubuhkan pangkalan mudah alih atau '*floating bases*' walaupun ianya mungkin memerlukan kos yang tinggi. Ianya adalah kerana penubuhan model pangkalan ini memudahkan Amerika Syarikat untuk mengeksploitasi kelompongan untuk beroperasi dalam kawasan maritim antarabangsa atau yang dipertikaikan, ditambah pula dengan kedudukan Amerika Syarikat yang tidak meratifikasi *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*, yang secara langsung tidak 'memberatkannya' dengan norma undang-undang tersebut.

Kesimpulan

Evolusi strategi pemangkalan ketenteraan Amerika Syarikat di Asia Tenggara mendedahkan paradoks pada titik pusat strategi besar adikuasa tersebut, yakni pembaharuan doktrin ketenteraan, daripada doktrin MDO Tentera Darat kepada EABO Tentera Marin menunjukkan fleksibiliti dan kebolehadaptasian cabang ketenteraan negara tersebut dalam berhadapan dengan bentuk-bentuk cabaran baharu, begitupun, ianya masih terhalangan dengan elemen geopolitik yang berada diluar gapiannya sebagai negara pemangkal, iaitu akses. Kajian ini menunjukkan, strategi pemangkalan tidak hanya menjadi faktor sisipan dalam pembuatan sesuatu doktrin, sebaliknya sebagai pengadun penting dalam pembentukan acuannya. Sekalipun berada dalam kepuncakan kuasa politikal dan ketenteraannya, Amerika Syarikat masih bergantung kepada membenaran akses dan operasi daripada negara-negara hos, terutamanya dalam rantau Asia Tenggara yang dilapisi dengan norma-norma keselamatan yang merumitkan, tetapi berfungsi sebagai 'medan ujikaji' yang berkesan. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa Amerika Syarikat mulai mempencarkan kuasa ketenteraan dan strategi pemangkalannya kepada kekuatan yang lebih kecil dan tangkas serta, berbanding kekuasaan menumpu seperti '*offensive signaling*' era Reagan atau ekspedisi *Great White Fleet* pentadbiran Roosevelt. Ianya menyimpulkan tentang keperluan kos dan logistik dalam menyelenggara kuasa ketenteraan secara besaran, termasuk dalam menjaga pangkalan-pangkalan tentera tradisional yang berskala besar. Secara keseluruhannya, ianya menampakkan kemampuan Amerika Syarikat untuk mengubah strategi besarnya secara fleksibel, sekaligus mengukuhkan kedudukan hegemoni dan keadikekuasaannya.

Penghargaan: Barisan penulis mengucapkan setinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas pendanaan bagi penulisan kajian ini melalui Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2024-055).

Konflik Kepentingan: Para pengarang tidak memiliki sebarang konflik kepentingan berkaitan kajian ini.

Rujukan

- Acharya, A. (2005). The Bush Doctrine and Asian regional order: the perils and pitfalls of preemption. In M. Gurtov, & P. Van Ness (Eds.), *Confronting the Bush Doctrine: Critical views from the Asia-Pacific* (pp. 203-226). Routledge.
- Anon. (2020). The future of amphibious operations. *Strategic Comments*, 26(1), iv-vi. <https://doi.org/10.1080/13567888.2020.1727696>
- Armitage, R. L. (2019). The Philippine Base Negotiations. In H. Binnendijk, & M. Locke (Eds.), *The Diplomatic Record 1991-1992*. Routledge.
- Barno, D., & Bensahel, N. (2020). *Adaptation Under Fire: How Militaries Change in Wartime*. Oxford University Press.
- Barno, D. W. (2009). Military Adaptation in Complex Operations. *Prism*, 1(1), 27-36.
- Brands, H. (2014). *What Good is Grand Strategy: Power and Purpose in American Statecraft from Harry S. Truman to George W. Bush*. Cornell University Press.
- Brands, H. W. (1992). *Bound to Empire: The United States and The Philippines*. Oxford University Press.
- Brown, J. W. (2020). *The Politics of Foreign Military Bases*. Duke University.
- Chief of Naval Operations. (2022). *Navigation Plan*. Washington D.C.: U.S. Navy. https://nwcfoundation.org/wp-content/uploads/2022/07/navigation-plan-2022_signed.pdf
- Chief of Naval Operations. (2024). *Navigation Plan for America's Warfighting Navy*. Washington D.C.: U.S. Navy. <https://www.navy.mil/Portals/1/CNO/NAVPLAN2024/Files/CNO-NAVPLAN-2024-high-res-v2.pdf>
- Clausewitz, C. (1989). *On War* (Trans ed.). (M. Howard, & P. Paret, Trans.) Princeton University Press.
- Cristobal, A. E., & Gregor, A. J. (1987). The Philippines and the United States: A short history of the security connection. *Comparative Strategy*, 6(1), 61-89.
- Davis, J. (2021). *The Air Force's True Expeditionary Roots: Historical Context and Lessons for the Agile Combat Employment (ACE) Concept*. S. Army Command and General Staff College.
- De Castro, R. C. (2024). Exploring the Philippines' Evolving Grand Strategy in the Face of China's Maritime Expansion: From the Aquino Administration to the Marcos Administration. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 43(1), 94-119. <https://doi.org/10.1177/18681034241234670>
- Fazal, T. (2012). Why States No Longer Declare War. *Security Studies*, 21, 557-593. <https://doi.org/10.1080/09636412.2012.734227>
- Fazal, T. (2025). Is War in Decline. *Annual Review of Political Science*, 28, 57-73. <https://doi.org/10.1146/annurev-polisci-041923-115351>
- Fazendeiro, B. (2021). Wartime Is Peacetime: Undeclared Armed Conflict in the Late Twentieth and Early Twenty-First Centuries. *International Studies Review*, 23, 2079-2089. <https://doi.org/10.1093/isr/viab022>
- Fehlings, G. (2000). America's First Limited War. *Naval War College Review*, 53(3), 101-143.
- Feickert, A. (2022). *U.S. Ground Forces in the Indo-Pacific: Background and Issues for Congress (R47096)*. U.S. Library of Congress. <https://www.congress.gov/crs-product/R47096>
- Goldman, E. O. (1997). The US military in uncertain times: Organizations, ambiguity, and strategic adjustment. *Journal of Strategic Studies*, 20(2), 41-74. <https://doi.org/10.1080/01402399708437678>
- Hänggi, H. (1991). *ASEAN and the ZOPFAN Concept*. Singapura: ISEAS.
- Harkavy, R. E. (1982). *Great Power Competition for Overseas Bases: The Geopolitics of Access Diplomacy*. Pergamon Press Inc.
- Harkavy, R. E. (1989). *Bases Abroad: The Global Foreign Military Presence*. Oxford University Press.

- Hisham Kamal Othman Kamal, Nor Azizan Idris, & Zarina Othman. (2016). Kebangkitan Kuasa Ketenteraan China Pasca Perang Dingin: Ancaman atau Aman? *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 516-538.
- Howard, M. (1983). *The Causes of War and Other Essays*. Harvard University Press.
- Jackson, V. (2023). *Pacific Power Paradox: American Statecraft and the Fate of Asian Peace*. New Haven & Yale University Press.
- Kaufman, R. G. (1990). *Arms Control During the Pre-Nuclear Era: The United States and Naval Limitation Between the Two World Wars*. Columbia University Press.
- Kushananto, & Sity Daud. (2018). Transformasi Doktrin Ketenteraan dan Implikasinya Terhadap Keselamatan Nasional Indonesia Era Reformasi (1998-2017). *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(3), 84-103.
- Long, S. (2018). Strategic partners: Singapore and the United States. In A. T. Tan (Ed.), *Handbook on the United States in Asia: Managing Hegemonic Decline, Retaining Influence in the Trump Era* (pp. 264-282). Edward Elgar Publishing Limited.
- Marinus. (2022). Expeditionary Advanced Base Operations: Is the Marine Corps abandoning maneuver warfare. *Marine Corps Gazette* (April), 102-107.
- Murray, W. (2011). *Military Adaptation in War with Fear of Change*. Cambridge University Press.
- Nicastro, L. (2023). *U.S. Defense Infrastructure in the Indo-Pacific: Background and Issues for Congress* (R47589). U.S. Library of Congress. <https://www.congress.gov/crs-product/R47589>
- Nicastro, L. (2024). *Defense Primer: Agile Combat Employment (ACE) Concept* (IF12694). U.S. Library of Congress. <https://www.congress.gov/crs-product/IF12694>
- O'Rourke, R. (2025). *Defense Primer: Navy Distributed Maritime Operations (DMO) Concept* (IF12599). U.S. Library of Congress. <https://news.usni.org/2024/07/04/report-to-congress-on-navy-distributed-maritime-operations>
- Pant, H. V., & Parpiani, K. (2022). *America and the Indo-Pacific: Trump and Beyond*. Routledge.
- Pettyjohn, S. L. (2012). *U.S. Global Defense Posture, 1783-2011*. Santa Monica: RAND Corporation.
- Pettyjohn, S. L., & Kavanaugh, J. (2016). *Access Granted: Political Challenges to the U.S. Overseas Military Presence, 1945-2014*. RAND Corporation.
- Posen, B. (1984). *The Sources of Military Doctrine: France, Britain and Germany between the World Wars*. Cornell University Press.
- Rosen, S. P. (1991). *Winning the Next War: Innovation and the Modern Military*. Cornell University Press.
- Schlight, J. (1996). *A War Too Long: The USAF in Southeast Asia, 1961-1975*. Air Force History and Museums Program.
- Schneider, J. J. (1994). War plan RAINBOW 5. *Defense Analysis*, 10(3), 285-304.
- Schratz, P. R. (1980). The Orient and U.S. Naval Strategy. In J. C. Dixon (Ed.), *The American Military and the Far East (Proceedings of the Ninth Military History Symposium)* (pp. 127-138). United States Air Force Academy and Office of Air Force History Headquarters.
- Spagat, M., & van Weezel, S. (2020). The Decline of War Since 1950: New Evidence. In N. Gleditsch (Ed.), *Lewis Fry Richardson: His Intellectual Legacy and Influence in the Social Sciences* (pp. 129-142). Springer Nature.
- Sprout, H., & Sprout, M. (1946). *The Rise of American Naval Power 1776-1918*. Princeton: Princeton University Press.
- Stevenson, J. (2022). *Overseas Bases and US Strategy: Optimising America's Military Footprint*. Routledge.
- U.S. Air Force. (2022). *Agile Combat Employment*. Alabama: Curtis LeMay Center for Doctrine Development and Education, Air University. https://www.doctrine.af.mil/Portals/61/documents/AFDN_1-21/AFDN%201-21%20ACE.pdf
- U.S. Army. (2018). *The U.S. Army in Multi-Domain Operations 2028*. Washington: U.S. Army. https://www.army.mil/article/243754/the_u_s_army_in_multi_domain_operations_2028
- U.S. Department of Defense. (2004). *Strengthening U.S. Global Defense Posture*. Department of Defense. https://www.dmzhawaii.org/wp-content/uploads/2008/12/global_posture.pdf

- U.S. Marine Corps. (2021). *Tentative Manual for Expeditionary Advanced Base Operations*. Marine Corps. <https://www.mca-marines.org/wp-content/uploads/TM-EABO-First-Edition-1.pdf>
- Weeks, S. B., & Meconis, C. A. (1999). *The Armed Forces of the USA in the Asia-Pacific Region*. Allen & Unwin.
- Wong, J., Mazarr, M., Beauchamp-Mustafaga, N., Bohnert, M., Boston, S., Curriden, C., . . . Welch, J. (2022). *New Directions for Projecting Land-Power in the Indo-Pacific: Contexts, Constraints and Concepts*. RAND Corporation. https://www.rand.org/pubs/research_reports/RRA1672-1.html